

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08 / 09 / 2007

Dr. Mahathir nikmati sarapan aiskrim

UM - 8/9/2007

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Tahap kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad terus menunjukkan perkembangan positif apabila beliau mampu menikmati aiskrim sebagai hidangan sampingan pagi ini.

Bekas Perdana Menteri itu yang masih ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU), Institut Jantung Negara (IJN) dibenarkan mengambil makanan lembut itu selepas doktor yang memeriksanya berpuas hati dengan tahap kesihatan beliau.

Anak perempuan Dr. Mahathir, Datin Paduka Marina berkata, bapanya hari ini kelihatan agak letih kerana menjalani latihan fisioterapi serta senaman ringan.

"Mungkin disebabkan itu, ayah saya lebih banyak tidur," katanya ketika ditemui di Institut Jantung Negara (IJN) di sini, hari ini.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir akan dikeluarkan dari wad ICU dalam tempoh terdekat ini, beliau berkata, perkara itu terpulang kepada budi bicara doktor yang me-

rawatinya.

"Ibu (Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali) akan menemani ayah di hospital sehingga keadaannya benar-benar pulih untuk dibenarkan pulang," katanya.

Marina juga menjemput seluruh rakyat Malaysia yang beragama Islam untuk hadir ke majlis bacaan Yasin, doa selamat serta solat hajat di Masjid Wilayah Persekutuan selepas solat Maghrib hari ini.

Sementara itu, IJN dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari

ini memberitahu, Dr. Mahathir sudah mula mengambil diet ringan.

Bekas Perdana Menteri itu juga mula menjalani rawatan fisioterapi dada intensif serta senaman ringan untuk kaki dan tangannya.

Bagaimanapun, hanya keluarga terdekat sahaja yang dibenarkan melawat kerana beliau kini masih ditempatkan di wad ICU.

Dua hari lalu, Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan koronari selama lima jam di IJN.

Bekas Perdana Menteri itu dibawa masuk ke dewan pembedahan pada pukul 8.45 pagi dan pembedahan ke atasnya bermula pada pukul 9.40 pagi.

Pembedahan yang diketuai oleh pakar jantung terkemuka, Tan Sri Dr. Yahya Awang itu selesai kira-kira pukul 3.05 petang.

Ini merupakan pembedahan pintasan koronari kali kedua Dr. Mahathir, selepas pembedahan pertama pada 24 Januari 1989 di Hospital Besar Kuala Lumpur.